



**TEKS UCAPAN
YANG BERHORMAT PEHIN ORANG KAYA SERI DEWA
MEJAR JENERAL (B) DATO SERI PAHLAWAN
HAJI AWANG MOHAMMAD BIN HAJI DAUD
MENTERI KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN**

**MAJLIS PENYERAHAN SIJIL PENGHARGAAN
KEPADAH AHLI-AHLI JAWATANKUASA KERJA DAN PENAJA-PENAJA
SEMPENA SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM KALI KE-24, TAHUN 2008**

**DI SONGKET BALLROOM
TINGKAT 4
THE RIZQUN INTERNATIONAL HOTEL, GADONG
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**HARI JUMAAT, 29 SAFAR 1429
BERSAMAAN 7 MAC 2008
JAM 8.00 MALAM**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabaraktu

Bismillahir Rahmanir Rahim.

Yang Dimuliakan,

Pehin Orang Kaya Ratna Setia Dato Setia Awang Haji Abdul Hapidz bin Pehin Orang Kaya Laksamana Haji Awang Abdul Razak,
Pengerusi Bersama Jawatankuasa Kerja Tajaan Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-24, Tahun 2008;

Yang Amat Mulia,

Pengiran Penggawa Laila Bentara Istiadat Diraja Dalam Istana Pengiran Haji Alauddin bin Pengiran Paduka Tuan Pengiran Haji Abu Bakar,
Grand Chamberlain;

Yang Amat Mulia,

Pengiran Seri Wijaya Pengiran Haji Ahmad bin Pengiran Mohd. Yusof;

Yang Berhormat,

Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman,
Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama;

Yang Berhormat,

Pehin Jawatan Dalam Seri Maharaja Dato Seri Utama Dr. Haji Awang Mohd Jamil Al-Sufri bin Begawan Pehin Udana Khatib Dato Seri Paduka Haji Awang Umar;

Yang Berhormat,

Pehin Kapitan Lela Diraja Awang Goh King Chin;

Yang Dimuliakan.

Pehin Bendahari China Dato Paduka Awang Onn Siew Siong;

Yang Dimuliakan,

Pehin Kapitan China Kurnia Diraja Dato Paduka Awang Lau Ah Kok;

Yang Dimuliakan,

Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Awang Haji Halbi bin Haji Mohd. Yusof,
Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei;

Yang Dimuliakan,
Pehin Datu Kerna Setia Dato Paduka Seri Awang Zainuddin bin Jalani,
Pesuruhjaya Polis Diraja Brunei;

Yang Mulia,
Dato Paduka Awang Haji Jemat bin Haji Ampal,
Setiausaha Tetap,
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan;

Yang Mulia,
Awang Haji Ahmad bin Haji Abdul Rahman,
Timbalan Setiausaha Tetap,
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan;

Ahli-Ahli Jawatankuasa Tertinggi;

Ahli-Ahli Jawatankuasa Kerja Tajaan;
Para penaja, hadirin dan hadirat yang saya hormati sekalian.

Alhamdulillah, kita bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wataala kerana dengan taufiq dan hidayah-Nya juga yang membolehkan kita pada malam ini dapat menghadirkan diri dalam majlis yang berkebajikan ini.

Saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Pengerusi dan semua ahli Jawatankuasa Kerja Tajaan yang mengungkayahkan Majlis Penyerahan Sijil Penghargaan pada malam ini, semata-mata untuk melahirkan penghargaan kepada para dermawan dan penaja yang sama-sama menjayakan Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-24, Tahun 2008.

Para hadirin yang saya hormati :

Jawatankuasa Kerja Tajaan telah ditubuhkan semata-mata sebagai saluran untuk meningkatkan penglibatan rakyat dan penduduk di negara ini, khususnya dalam menyumbangkan bantuan atau tajaan kepada upacara yang bertaraf

nasional. Dengan penglibatan rakyat dan penduduk secara sukarela, sedikit sebanyak dapat meringankan kos operational yang semakin meningkat.

Jawatankuasa ini telah melaksanakan tugasnya dengan penuh dedikasi, dan dapat meningkatkan penglibatan sektor swasta, khususnya di kalangan *business community*. Tidak syak lagi Jawatankuasa Kerja Tajaan telah dapat menyumbang ke arah meningkatkan kesedaran rakyat dan penduduk dalam sama-sama mendukung kecintaan kepada negara.

Para hadirin yang saya hormati :

Berkat kerjasama yang padu dan semangat kesukarelawan yang tinggi di semua pihak, Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-24, pada tahun ini telah sempurna diungkayahkan dengan jayanya. Kejayaan itu adalah kejayaan kolektif semua pihak. Mudah-mudahan Allah Subhanahu Wata'ala jua akan mengurniakan ganjaran yang setimpal ke atas hamba-Nya yang berusaha dengan jujur lagi ikhlas semata-mata untuk mendapatkan keredhaan-Nya jua.

Akhirnya, saya sukacita menyampaikan penghargaan yang setinggi-tingginya kepada semua penaja dan orang perseorangan yang telah menghulurkan sumbangan bermakna demi sama-sama menjayakan upacara bertaraf nasional ini. Semua sumbangan itu, sama ada besar atau kecil, akan dikenang dalam sejarah, dan menjadi ristaan generasi akan datang. Dan kepada kepimpinan dan ahli-ahli Jawatankuasa Kerja Tajaan, saya juga mengucapkan penghargaan yang tidak terhingga atas komitmen serta dedikasi biskita melaksanakan objektif jawatankuasa ini.

Wabillahit Taufiq Walhidayah,
Assalamualaikum Warahmatullahi Wabaraktu.